

# Persisi atur tiga rancangan

23 APR 1979

**PERSEKUTUAN** Silat Singapura (Persisi) bercadang untuk meningkatkan lagi seni silat, membaiki lagi urusan menganjur Pesta Silat dan berharap akan dapat mengadakan pertandingan silat antara kawasan-nundi tahun ini.

Perkara-perkara itu dijangka akan dibincangkan dengan hangat dalam mesyuarat agungnya yang bakal berlangsung pada 1 Mei depan di Balai Rakyat Eunos Crescent.

## Popular

Mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh presiden Persisi, Haji Yaacob Mohamad, Dubes Singapura ke India yang dijadualkan pulang minggu ini.

"Kami berharap akan dapat mengorak langkah baru untuk memperbaiki lagi mutu pertandingan tahunan ini bukan saja untuk menarik lebih ramai penyertaan dan juga meningkatkan mutu persembahan agar ia dapat menarik bilangan penonton yang lebih besar,"

Oleh SUMADI SARKAWI

kata setiausaha agung persekutuan itu, Encik Johari Uriff, semalam.

Mesyuarat tersebut dijangka akan melantik pegawai-pegawai Persisi untuk bertugas bagi tahun 1979/81.

Sementara itu adalah difahamkan bahawa pertandingan pertama silat antara kawasan-nundi mungkin dengan menyertakan sejenis silat saja dan bilangan kawasan-nundi yang akan mengambil bahagian juga dijangka tidak besar.

Tujuan pertandingan ini ialah untuk menjadikan seni silat ini lebih popular di kalangan orang-orang bukan Melayu dan menarik lebih ramai bilangan mereka menyertai dan mengambil bahagian dalam bidang silat sebagai satu cabang sukan.

Selepas mesyuarat ini nanti, satu jawatankuasa khas untuk pertandingan ini akan dibentuk untuk merangkakan undang-undang dan peraturan pertandingan yang diura-urakan itu.